

7 organisasi buktikan kredibiliti guna teknologi geospasial

Oleh Natrah Laili Abdul Aziz
am@hmetro.com.my



(DARI kiri) Mohd Zahlan, Abdul Azhar, Dr Nadzman, Datu Abdullah Julaihi, CS Tan, Datuk Mohd Noorazam, Datuk Mohd Haffiz Ahmad dan Rozita Hamit. FOTO Ihsan Esri Malaysia

Kuala Lumpur: Tujuh organisasi dinobatkan sebagai penerima anugerah utama pada Majlis Anugerah Geolnovasi sekali gus membuktikan kredibiliti organisasi dalam penggunaan teknologi geospasial, teknologi yang digunakan untuk memetakan sesuatu kawasan dengan kaedah digital.

Antara pemenang utama dalam majlis dianjurkan Esri Malaysia ialah Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Sime Darby Plantation Research Sdn Bhd dan PLANMalaysia@Pulau Pinang.

Selain itu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PeGIS) dalam pembangunan aplikasi mudah alih Penang Stops Violence sebagai medium untuk membantu wanita, khususnya di Pulau Pinang mendapatkan bantuan awal daripada Pegawai Sokongan Pertama.

Ketua Pegawai Eksekutif Esri Malaysia, CS Tan berkata, pihaknya menyaksikan bagaimana teknologi geospasial menyokong strategi transformasi digital di beberapa organisasi yang paling progresif di Malaysia.

Menurutnya, tanpa mengira bidang atau industri yang memanfaatkan teknologi geospasial, perkembangan dan pembangunan teknologi berkenaan ternyata membantu pemimpin untuk membuat keputusan.

"Ia berdasarkan data dalam menangani masalah bandar yang kompleks serta pada masa sama menyokong organisasi komersil dalam menangani ketidakcekapan dalam operasi mereka, katanya ketika berucap di majlis berkenaan baru-baru ini.

Tan berkata, Esri Malaysia berasa bangga menyaksikan segala impak dalam memperkasakan dan membolehkan pembuat keputusan melakukan perubahan positif kepada perniagaan dan masyarakat.

"Kami berharap ini akan memberi inspirasi kepada lebih ramai pihak dalam perjalanan ke arah pendigitalan," katanya.

Disiarkan pada: June 24, 2022 @ 11:11pm